

INFO PSIKOLOGI

Gosip Di Pejabat - Ujian Saringan 3 Kali



SIRI DIS 2015

Pada zaman Yunani kuno, Socrates merupakan seorang ahli falsafah yang terkenal dengan kebijaksanaan dan pengetahuannya yang tinggi. Pada suatu hari, seorang lelaki berjumpa dengan Socrates dan berkata, "Tahukah anda bahawa saya baru saja mendengar cerita mengenai salah seorang sahabat anda?"

"Tunggu sebentar," jawab Socrates. "Sebelum menceritakannya kepada saya, saya ingin anda melalui sebuah ujian kecil. Ujian tersebut dinamakan Ujian Saringan Tiga Kali". "Saringan tiga kali?" tanya lelaki tersebut. "Betul," jawab Socrates. "Sebelum anda menceritakan kepada saya mengenai sahabat saya, ada eloknya anda memperuntukkan waktu sejenak untuk menyaring apa yang akan anda katakan. Itulah kenapa saya sebut sebagai Ujian Saringan Tiga Kali".

Saringan yang pertama adalah **KEBENARAN**. Sudah pastikah anda bahwa apa yang anda akan katakan kepada saya adalah benar?". "Tidak, belum tentu benar," kata laki-laki tersebut. "Sebenarnya saya baru saja mendengarnya dan ingin memberitahu tentangnya kepada anda." "Baiklah," kata Socrates, "Jadi anda sungguh tidak tahu apakah hal itu benar atau tidak".

"Sekarang mari kita cuba saringan kedua iaitu: **KEBAIKAN**. Apakah yang akan anda katakan kepada saya mengenai teman saya tersebut adalah sesuatu yang baik?". "Tidak, sebaliknya, mengenai hal yang buruk," jawab laki-laki itu. "Jadi, anda ingin mengatakan kepada saya sesuatu yang buruk mengenai dia, tetapi anda tidak yakin kalau itu benar." balas Socrates.

"Anda mungkin masih boleh lulus ujian selanjutnya, iaitu: **KEGUNAAN**. Apakah perkara yang anda ingin beritahu kepada saya tentang teman saya tersebut akan berguna buat saya?". "Tidak, sungguh tidak," jawab laki-laki tersebut. "Kalau begitu, jika apa yang anda ingin beritahu kepada saya tentang teman saya tersebut **TIDAK BENAR, TIADA KEBAIKAN, bahkan TIDAK BERGUNA** untuk saya, kenapa ingin menceritakannya kepada saya?", simpul Socrates.